

# Tindakan jejas Umno

BH - 20/5/2008

## Pembangkang anggap langkah Dr M ada kaitan kes Lingam

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad, Faiza Zainudin, Nazura Ngah, Amin Ridzuan Ishak dan Hamid Salleh

**K**UALA LUMPUR: Parti pembangkang berpendapat tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad keluar Umno dan mendesak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melepaskan jawatan presiden serta Perdana Menteri akan menjejaskan parti itu.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka menganggap tindakan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan laporan Suruhanjaya Diraja Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Klip Video V K Lingam yang menamakan beliau bersama lima yang lain antara yang mempunyai pengaruh dalam pelantikan Ketua Hakim Negara.

Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa, berkata Pas lebih senang mengambil pendekatan tunggu dan lihat berhubung tindakan Dr Mahathir keluar dari Umno dan mengalu-alukan jika Dr Mahathir berhasrat menyertai parti itu.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Ab-

dul Aziz Nik Mat pula menegaskan beliau paling gembira dengan berita pengumuman Dr Mahathir keluar daripada Umno.

"Saya ketika itu sedang tidur dan dikejutkan oleh seorang ahli tertinggi Pas mengenai perkara itu. Saya antara orang yang paling bahagia hari ini mendengar berita Mahathir keluar Umno," katanya.

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Harun Taib, berkata tindakan itu bukan sesuatu yang pelik kerana sejarah menunjukkan ada pemimpin terdahulu keluar parti.

"Bekas Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman keluar Umno

**“ Saya antara orang yang paling bahagia hari ini mendengar berita Mahathir keluar Umno ”**

**Nik Abdul Aziz Nik Mat**  
Mursyidul Am Pas

dan menyokong Semangat 46 serta Pas. Setakat ini, hanya Tun Abdul Razak saja yang benar-benar mati dalam Umno. Tindakan Dr Mahathir bukan sesuatu yang pelik kerana perkara sama pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang berkata, tindakan Dr Mahathir adalah rancangan besarnya untuk meningkatkan peluang dan tekanan kepada Abdullah, tetapi enggan mengulas lanjut sama ada ia akan memberikan kelebihan kepada Pakatan Rakyat untuk mengambil alih pemerintahan negara daripada Barisan Nasional (BN).

Pengerusi DAP, Karpal Singh, berkata tindakan Dr Mahathir menga-rahkan ahli Umno mengikut langkahnya menunjukkan sikap sebenarnya dan hanya akan menjejaskan parti yang menjadi batu loncatan beliau menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Beliau seharusnya kekal dalam Umno sehingga namanya dibersihkan atas pelbagai tuduhan sepanjang menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri. Kami lihat, tindakan ini hanya akan 'menyerlahkan' kesalahan-

nya," katanya.

Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohamed Azmin Ali, berkata pengumuman Dr Mahathir tidak memberi kesan atau impak politik kepada parti itu kerana Umno sudah berada pada tahap lemah.

Bagaimanapun, beliau berkata, PKR akan mengamati strategi Dr Mahathir kerana tekanan kepada Perdana Menteri akan memberi laluan mudah kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk menggantikan Abdullah.

"PKR yakin ada kesepakatan antara Dr Mahathir dengan Najib. Kami akan amati strategi selanjutnya. Keputusan ini memberi satu lagi bukti Umno berada pada tahap kritikal dan membongkar segala kepincangan dalam Umno," katanya.

Ketua Angkatan Pemuda PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata Dr Mahathir menggunakan taktik berkenaan bagi menggugat dan memberi tekanan kepada Abdullah.

Beliau berkata, taktik keluar parti akan mengundang krisis dalaman parti yang semakin parah sekali gus mempercepatkan usaha PKR menubuhkan kerajaan.